

NAM akan berusaha hantar pasukan pemeriksa ke Palestin

UM 26 FEB 2003

KUALA LUMPUR 25 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) akan berusaha untuk menghantar pasukan pemeriksa ke Palestin bagi meninjau keadaan rakyat negara itu yang ditindas oleh Israel.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi NAM bagaimanapun melahirkan keraguannya pergerakan itu akan berbuat demikian kerana ia mungkin dihalang oleh rejim Israel yang tidak mahu kekejaman mereka terhadap rakyat Palestin terdedah.

“Kami menyambut baik cadangan itu sekiranya ia boleh dilakukan, tetapi saya rasa pasti Israel tidak akan membenarkannya.

“Sebelum ini pun Israel tidak membenarkan pasukan pemeriksa (di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) masuk ke Jenin selepas mereka melakukan penyembelihan di sana,” katanya pada sidang akhbar selepas majlis penutup Sidang Kemuncak Ke-13 NAM di Pusat Dagangan Dunia Putra, malam ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas permintaan Presiden Palestin, Yasser Arafat hari ini supaya NAM menghantar pasukan pemeriksa ke negaranya bagi melihat sendiri kekejaman yang telah dilakukan oleh Israel terhadap rakyatnya.

Mengenai krisis Iraq, Perdana Menteri turut memuji tindakan Perancis selaku anggota tetap Majlis Keselamatan PBB, menentang rancangan menyerang Iraq kerana berani melawan kehendak Amerika Syarikat (AS).

“Kita menyambut baik pendirian Perancis itu, tetapi ia tidak bermakna Perancis

mahu mempertahankan kerajaan Iraq.

“Saya dapat tahu mereka berbuat demikian kerana bimbang dengan harga nyawa manusia yang terpaksa dibayar akibat peperangan,” ujarnya.

Mengenai krisis di Semenanjung Korea, Perdana Menteri berkata, Korea Utara sebenarnya mahu mengadakan rundingan satu dengan satu dengan AS.

“Ia bermakna Korea Utara bukanlah sudah menetapkan pendirian untuk memusnahkan AS. Negara lain pun ada yang mahu meningkatkan keupayaan mereka, tetapi tidak bermakna mereka mahu mengisytiharkan perang,” ujar beliau.

Menjawab satu soalan daripada pemberita Australia mengenai spekulasi bahawa Malaysia akan memberikan semua kereta mewah yang digunakan dalam sidang kemuncak kali ini kepada para pemimpin NAM, Dr. Mahathir berkata, ia tidak benar kerana ia dipinjam dari pihak lain dan kerajaan perlu menghantarnya semula.

“Saya harus meminta maaf kerana malangnya Australia tidak termasuk dalam delegasi, tetapi jangan bimbang, kita terpaksa hantar semula semua kereta itu, yang kita pinjam, kepada orang yang meminjamkannya.

“Kerajaan Malaysia bukannya kaya,” ujarnya secara berseloroh.

Dr. Mahathir turut mengulangi kenyataannya bahawa pengganti beliau sebagai Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan turut mengambil alih jawatan Pengerusi NAM selepas beliau bersara Oktober nanti.